

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
(SETIAWANGSA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29.03.2017

Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [SETIAWANGSA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian bagi memastikan kejatuhan nilai Ringgit ketika ini tidak memberi kesan yang besar kepada kadar inflasi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa memantau dan mengambil langkah bagi membendung kenaikan inflasi serta mengurangkan impak terhadap kos hidup golongan berpendapatan pertengahan dan rendah. Inflasi bagi 2016 adalah pada kadar 2.1%, sama seperti kadar inflasi pada tahun sebelumnya. Sementara itu, inflasi pada bulan Januari 2017 telah meningkat kepada 3.2% sebahagiannya disebabkan oleh kesan

daripada harga minyak mentah global yang semakin pulih.

2. Penyusutan nilai ringgit akan menyebabkan kenaikan kos import. Walau bagaimanapun, kesannya terhadap kadar inflasi diimbangi oleh sumbangan sederhana wajaran barangan import daripada keseluruhan permintaan domestik. Barangan import (tidak termasuk petrol dan diesel) hanya mencakupi 6.4% daripada Indeks Harga Pengguna (IHP).

Tuan Yang di-Pertua,

3. Pada tahun 2016, nilai ringgit telah menyusut sebanyak 4.3% berbanding dolar AS. Penyusutan nilai ringgit kebanyakannya didorong oleh perubahan aliran dana yang didorong oleh faktor luaran. Faktor-faktor tersebut termasuklah jangkaan kenaikan kadar faedah AS, ketidaktentuan dalam harga minyak mentah dunia, kebimbangan terhadap kadar pertumbuhan ekonomi dan ketidaktentuan pasaran kewangan di China. Selain itu, ketidaktentuan politik di UK, kawasan Euro dan AS, juga telah menjejaskan permintaan terhadap aset dalam pasaran sedang pesat membangun.

4. Dalam menangani penyusutan nilai ringgit dalam jangka masa pendek, Kerajaan akan sentiasa memastikan pasaran pertukaran matawang asing tidak terjejas bagi membolehkan kegiatan ekonomi

berjalan dengan lancar. Pada masa yang sama, kedudukan rezab Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah USD95 bilion akan terus menjadi penampan kepada turun naik yang berlebihan dalam pasaran kewangan.

5. Pada hujung tahun 2016, BNM juga telah memperkukuh semula peraturan sedia ada untuk menghalang penglibatan insitansi kewangan berlesen tempatan dalam aktiviti kontrak hadapan tanpa serahan (*non-deliverable forward*, NDF). Langkah ini bertujuan untuk membendung aktiviti spekulatif NDF dalam pasaran luar persisir yang telah memberikan kesan negatif terhadap pasaran pertukaran asing dalam negara. Pada masa yang sama, BNM akan terus menyediakan mudah tunai di pasaran tempatan bagi memastikan keadaan pasaran yang stabil dan teratur.

6. Walaupun negara kita merupakan pengeksport bersih dan mencatatkan lebih akaun semasa dalam imbangan pembayaran, perolehan eksport dalam matawang asing tidak ditukar kepada ringgit, lalu menyebabkan ketidakseimbangan di dalam permintaan dan penawaran ringgit di pasaran pertukaran asing. Bagi membendung masalah ini, Jawatankuasa Pasaran Kewangan, bersama BNM, juga telah mengambil langkah-langkah untuk

menggalakkan pasaran perlindungan nilai dan mengatasi ketidakseimbangan dalam pasaran pertukaran asing dalam negeri, termasuk mewajibkan penukaran hasil eksport dalam mata wang asing ke ringgit.

7. Dalam menangani cabaran semasa, Kerajaan akan sentiasa memastikan pasaran pertukaran mata wang asing tidak terjejas bagi memastikan kegiatan ekonomi kekal mapan dan inflasi kekal terkawal.